

3

MEMAHAMI KONSEP KREATIVITI

Azahari Ramli, Khairunnisak Ahmad Shakir, Muhammad Shukri Bakar dan Hasnizam Hasan

Kreativiti merupakan perkataan yang sinonim dikaitkan dengan kemampuan seseorang menghasilkan sesuatu yang unik atau canggih. Ia juga dilihat seperti sebuah keistimewaan atau anugerah yang diberikan oleh Ilahi kepada seseorang dan tidak kepada seseorang yang lain. Adakah benar persepsi seperti ini yang diberikan kepada kreativiti? Inilah yang akan diperjelaskan dalam penulisan ini supaya kita dapat memahami konsep dan maksud berkaitan dengan kreativiti. Pemahaman ini penting kerana persekitaran hari ini menuntut supaya kita mempunyai keupayaan tersebut dan ianya diletakkan sebagai satu kemestian kepada individu yang bergelar usahawan. Kreativiti telah diterima sebagai ciri penting yang membezakan antara usahawan berjaya dengan tidak berjaya. Perniagaan dan keusahawanan merupakan arena yang memerlukan usahawan bijak mengatur strategi untuk bersaing dengan usahawan yang lain. Kebijakan ini bergantung kepada tahap kreativiti yang dimiliki oleh usahawan berkenaan

Kepentingan kreativiti bukan sahaja kepada usahawan tetapi turut melibatkan semua pihak yang menjalankan apa jua bidang pekerjaan. Dalam persekitaran semasa, manusia bukan sahaja perlu bersaing dengan manusia yang lain tetapi manusia juga perlu bersaing dengan mesin. Banyak bidang pekerjaan yang dijalankan oleh manusia telah dapat digantikan dengan mesin, komputer atau automasi. Menurut James Taylor (2017), bidang pekerjaan profesional seperti akauntan, peguam, dan eksekutif pemasaran boleh digantikan dengan mesin disebabkan oleh pengenalan kepada kepintaran tiruan *Artificial Intelligence* (AI). Komputer dan mesin yang dilengkapi dengan AI membolehkannya melakukan pekerjaan yang dahulunya dilakukan oleh manusia. Persaingan antara

manusia dengan mesin dilihat semakin lama menjadi semakin sengit. Hanya individu yang mempunyai daya kreativiti sahaja yang dikatakan dapat mengatasi segala persaingan ini. Individu yang tidak mempunyai daya kreativiti akan ketinggalan dan kemungkinan kelangsungan hidupnya juga mungkin akan terancam.

Oleh itu, melalui pemahaman yang jelas tentang kreativiti, usahawan atau sesiapa sahaja pun bolehlah berfikir dan mencari jalan untuk meningkatkan keupayaan kreativiti di dalam diri atau di kalangan ahli-ahli di dalam organisasi masing-masing. Kepercayaan yang mengatakan hanya individu tertentu sahaja yang mempunyai keupayaan kreativiti dan tidak bagi individu yang lain adalah merupakan satu mitos. Kreativiti merupakan satu bentuk kemahiran berfikir dan kemahiran ini boleh diadakan dan dibangunkan dalam diri sesiapa sahaja terutamanya jika mempunyai keazaman dan mahu berusaha untuk ke arah tersebut.

MAKSUD KREATIVITI

Kreativiti telah diberi pelbagai makna oleh penulis-penulis terdahulu. Masing-masing cuba mengetengahkan maksud kreativiti dengan cara dan keadaan yang tersendiri. Ini disebabkan aliran pemikiran yang dimiliki oleh penulis berkenaan telah menyebabkan ia memberikan maksud kreativiti sesuai dengan pemikirannya. Keadaan ini telah menyebabkan ramai pembaca yang mempunyai aliran pemikiran yang berbeza dengan penulis berkenaan tidak dapat memahami dengan sempurna maksud kreativiti yang cuba disampaikan kepadanya. Pemahaman maksud kreativiti adalah penting kerana ia akan dapat menjelaskan tentang keperluan dan kepentingannya kepada kita.

Untuk itu, semakan ke atas penulisan dan kajian daripada pengarang dan pengkaji terdahulu dilakukan bagi mengumpul maksud kreativiti yang dicadangkan oleh mereka. Misalnya Bessant & Tidd, (2015) telah menjelaskan kreativiti bermaksud menggunakan imaginasi atau idea untuk mencipta sesuatu. Bagi mereka, idea yang baik dapat menjana inovasi. Kuratko & Hotgetts (1995) pula menyatakan kreativiti adalah penjaanaan idea yang membawa kepada peningkatan kecekapan